

FU20022

PENDIDIKAN

MORAL

ASASI TVET POLITEKNIK



UNIT PENDIDIKAN ISLAM DAN MORAL
JABATAN PENGAJIAN AM

POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN



FU20022
PENDIDIKAN
MORAL
ASASI TVET

BORHANNUDIN BIN YA ● HAMDAN BIN ZAKARIA ● MOHAMMAD
ZAMRI BIN JUSOH ● MOHD FADHIL BIN AZIZ ● MOHD HANAFI BIN
JUSOH ● ROSHADAH BINTI ABU BAKAR ● SOLHAL HUDA BINTI
SAHIDAN ● SUHAILA BINTI MUSTAFFA

PENASIHAT
MOHD FADHIL BIN AZIZ
(KETUA JABATAN PENGAJIAN AM)

THOHIR BIN BAHADOR
(KETUA KURSUS UNIT PENDIDIKAN ISLAM DAN MORAL, JPA)

PENULIS
BORHANNUDIN BIN YA
HAMDAN BIN ZAKARIA
MOHAMMAD ZAMRI BIN JUSOH
MOHD FADHIL BIN AZIZ
MOHD HANAFI BIN JUSOH
ROSHADAH BINTI ABU BAKAR
SOLHAL HUDA BINTI SAHIDAN
SUHAILA BINTI MUSTAFFA

EDITOR/SEMAKAN BAHASA/PENYEDIA AR
SUHAILA BINTI MUSTAFFA
ROSHADAH BINTI ABU BAKAR
SOLHAL HUDA BINTI SAHIDAN

REKABENTUK DAN KONSEP
SUHAILA BINTI MUSTAFFA

TERBITAN 2025

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada secara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis dari pihak Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh:
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)
Pauh Putra, 02600 Arau, Perlis
No. Tel : 04-988 6200
No. Fax : 04-988 6300
www.ptss.edu.my



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
eISBN 978-629-7514-83-3

Prapata

Puji dan syukur dipanjatkan kepada Tuhan Yang Maha Esa, kerana dengan izinNya, eBook ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Buku digital ini hadir dengan tujuan untuk memberikan panduan yang lebih komprehensif tentang pentingnya pendidikan moral dalam kehidupan kita sehari-hari, baik dalam konteks individu, keluarga, mahupun masyarakat umumnya.

Pendidikan moral merupakan aspek yang tidak dapat dipisahkan dari pembangunan karakter dan jati diri individu. Sebagai usaha untuk melahirkan generasi yang tidak hanya pintar intelektual, tetapi juga berbudi pekerti luhur, pendidikan moral membawa peranan penting dalam menanamkan nilai-nilai positif yang akan membimbing seseorang dalam bertindak sesuai dengan norma-norma dalam kehidupan sehari-hari.

Nilai-nilai seperti kejujuran, tanggung jawab, saling menghormati, kepedulian, serta keadilan adalah dasar yang terbentuk daripada hubungan yang harmonis antara individu dalam masyarakat.

Melalui eBook ini, pembaca akan diajak untuk lebih mendalami konsep-konsep dasar pendidikan moral yang dapat diterapkan dalam kehidupan sehari-hari.

Akhir kata, kami mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyusunan dan penerbitan eBook ini. Semoga buku ini dapat memberi manfaat dan memberi inspirasi bagi pembaca untuk terus mengembangkan pendidikan moral dalam kehidupan mereka, serta menjadi agen perubahan untuk kebaikan bersama.

Selamat membaca!



Isi Kandungan

TOPIK 1

1.0 Konsep Moral Dan Nilai	1
1.1 Pengenalan konsep moral	2
1.2 Pengenalan konsep nilai	3
1.3 Perbezaan antara moral dan nilai	4
1.4 Konsep baik, benar dan patut	5-8
1.5 Penerapan nilai-nilai murni dalam kehidupan	9-10
1.6 Tanggungjawab individu	11-12
Latihan Pengukuhan	13-14

TOPIK 2

2.0 Konsep Etika Dan Integriti	15
2.1 Pengenalan konsep etika	16-21
2.2 Pengenalan konsep integriti	22-24
2.3 Ciri-ciri warganegara yang berintegriti	25-27
Latihan Pengukuhan	28

TOPIK 3

3.0 Kepelbagaian Kaum Dan Budaya	29
3.1 Konsep budaya	30-32
3.2 Kepelbagaian kaum dan budaya	33-34
3.3 Cara menghormati kepelbagaian kaum dan budaya	35-37
Latihan Pengukuhan	38

TOPIK 4

4.0 Isu-isu Moral	39
4.1 Isu-isu yang moral yang berlaku dalam masyarakat di Malaysia	40-41
Latihan Pengukuhan	42


TOPIK 5

5.0 Langkah Menangani Isu-isu Moral	43
5.1 Punca isu-isu moral	44
5.2 Kesan yang timbul akibat isu-isu moral	45
5.3 Langkah menangani isu-isu moral	46-47
Latihan Pengukuhan	48
Sumber Rujukan	49

Topik 1

Penulis:

Mohd. Hanafi bin Jusoh
Roshadah binti Abu Bakar
Solhal Huda binti Sahidan



1.0 Konsep Moral Dan Nilai



- 1.1 Pengenalan konsep moral
- 1.2 Pengenalan konsep nilai
- 1.3 Perbezaan antara moral dan nilai
- 1.4 Konsep baik, benar dan patut
- 1.5 Penerapan nilai-nilai murni dalam kehidupan
- 1.6 Tanggungjawab individu

1.1 Pengenalan konsep moral

Apa itu MORAL ?

Moral bermaksud cara, tingkah laku atau perwatakan yang diterima, diambil daripada perkataan Latin iaitu 'mores'.

Tingkah laku manusia sama yang berkaitan dengan tingkah laku baik atau buruk. Ia dianggap sebagai tingkah laku yang diterima dalam sebuah masyarakat bergantung kepada kedudukan dan situasi masyarakat tersebut.

Pertimbangan moral juga bergantung kepada suasana atau keadaan yang membentuk individu contohnya seperti sistem sosial, kelas sosial dan kepercayaan yang dianuti.

Moral juga bersifat praktikal kerana moral merupakan disiplin yang memberitahu apakah sistem moral yang dihayati oleh sesuatu masyarakat.

Menurut kamus Oxford Advanced Learner's, Edisi keenam:

moral bermaksud kesedaran tingkah laku betul dan salah, apa yang perlu dipatuhi dan ditinggalkan serta bersifat praktikal.



1.2 Pengenalan konsep nilai

NILAI



Definisi NILAI?

Dari segi bahasa, nilai ialah darjat, kualiti, mutu, atau taraf dan juga sifat ketinggian dalam aspek pemikiran, agama, kemasyarakatan dan lain-lain (DBP).



Dalam takrifan yang menyeluruh, nilai ialah piawai bagi mempertimbangkan sesuatu perkara sebagai baik, berfaedah, diinginkan, dan berharga atau sebaliknya iaitu buruk, tidak berfaedah, dan dibenci.



1.3 Perbezaan antara moral dan nilai

Moral

Moral adalah tingkahlaku yang sejajar dengan tatasusila dan peraturan yang tetap dalam sesebuah masyarakat serta merupakan perbuatan baik dan buruk atau betul dan salah

Satu set peraturan yang tidak berubah dan merupakan kepercayaan masyarakat serta budaya yang membezakan antara betul dan salah

Satu prinsip, kefahaman dan ajaran tradisi yang tetap

Peraturan yang telah ditetapkan dalam masyarakat dan perlu dilakukan

Bersifat universal, objektif dan mutlak

Dinilai oleh tradisi dan budaya masyarakat sebagai alat pengukur tingkahlaku

Nilai

Nilai adalah mengenai nilai-nilai moral yang terdapat di dalam masyarakat sama ada baik atau buruk dan merupakan satu susunan peraturan tingkahlaku untuk melicinkan perjalanan sesuatu pentadbiran atau pengurusan

Satu set peraturan yang ditetapkan dan boleh berubah yang dipengaruhi oleh tingkahlaku seseorang, latarbelakang keluarga dan pendidikan

Satu perkara yang mengikut kebiasaan dan rutin amalan masyarakat

Peraturan yang tidak ditetapkan secara mutlak dan boleh berubah mengikut kesesuaian masa dan tempat

Bersifat peribadi dan subjektif

Dinilai oleh seseorang berdasarkan suatu kepercayaan dalaman yang mengukur tingkahlaku

1.4 Konsep baik, benar dan patut



**Apa itu Konsep nilai
'baik', 'benar'
dan 'patut?'**

Sesuatu tindakan bermoral yang baik, benar atau patut adalah tindakan yang sejajar dengan tugas dan tanggungjawab. Selain itu ia dianggap salah sekiranya perlakuan bertentangan dengan konsep baik, benar dan patut. Semua konsep adalah bersifat abstrak dan boleh ditakrifkan dalam konteks yang berbeza.

BAIK

sesuatu yang memberi faedah atau bagus apabila menggunakannya atau dilakukannya. Jelaslah maksud baik di atas menunjukkan kepada perasaan dalaman individu terhadap sesuatu yang telah digunakannya.


- ✓ baik dalam pemilihan
- ✓ baik dalam nasihat
- ✓ baik dalam hukuman
- ✓ baik dalam penilaian
- ✓ baik dalam tafsiran
- ✓ baik dalam memuji
- ✓ baik dalam bersetuju
- ✓ baik dalam menghargai
- ✓ baik dalam kecekapan



“Sebenarnya idea baik itu boleh memberi makna yang berbeza mengikut situasi atau konteks tertentu seperti : ”

BENAR

suatu tingkahlaku yang betul dan sejajar dengan tugas atau tanggungjawab seseorang dan ia dianggap salah sekiranya bertentangan dari yang sepatutnya. Tingkahlaku yang betul mengandungi ciri-ciri penjelasan nilai yang mempunyai fakta, sebab dan bukti yang sah serta diterima oleh masyarakat



Perkataan **benar** boleh dilihat dari segi :



Patut digunakan dalam beberapa aspek yang berlainan yang menggambarkan konsep patut :



jangan melakukan sesuatu yang seseorang itu patut tinggalkan. Ini bermakna dia tidak patut membuat sesuatu yang salah, iaitu apa yang dia patut 'jangan lakukan'.



seharusnya dipilih setelah dipertimbangkan semua perkara atau tindakan lain.



satu tindakan yang digemari oleh seseorang walaupun ia mungkin bukan tindakan yang tepat

PATUT

Konsep patut bermaksud harus, mesti dan sesuai serta mempunyai unsur tindakan secara waras dan bijak

1.5 Penerapan nilai-nilai murni dalam kehidupan



“semai nilai murni sejak kecil, jamin kehidupan harmoni”

"Nilai manusia adalah semahal nilai matlamatnya."

— Marcus Aurelius—



NILAI BERKAITAN HAK ASASI MANUSIA

- Melindungi hak kanak-kanak
- Melindungi hak pekerja
- Melindungi hak golongan kurang upaya
- Menghormati hak wanita
- Melindungi hak pengguna



NILAI BERKAITAN DENGAN DEMOKRASI

- Mematuhi peraturan dan undang-undang
- Kebebasan bersuara
- Kebebasan beragama
- Penglibatan diri dalam pembangunan negara
- Sikap keterbukaan

NILAI BERKAITAN DENGAN KEAMANAN DAN KEHARMONIAN

- Hidup bersama secara aman
- Saling membantu dan bekerjasama
- Saling menghormati antara negara

NILAI BERKAITAN ALAM SEKITAR


- Menyayangi dan menghormati alam sekitar
- Keharmonian antara manusia dan alam sekitar
- Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar
- Peka terhadap isu alam sekitar

NILAI YANG MEMBENTUK NEGARA MALAYSIA

- Kerjasama
- Toleransi
- Perpaduan dan permuafakatan
- Hormat menghormati
- Kesetiaan kepada Negara



1.6 Tanggungjawab individu



RESPONSIBILITY

Tanggungjawab iaitu
kewajipan yang dipikul
seseorang (Kamus
Dewan edisi Keempat).
Boleh diklasifikasikan
terhadap :





Antara tanggungjawab individu ialah :



Mengamalkan amalan beragama dalam kehidupan



Memahami dan menghayati Rukun Negara



Mematuhi undang-undang negara
Menghormati lagu Negaraku



Menjauhi amalan rasuah



Menjaga maruah dan nilai diri



Berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan
Saling berkasih sayang dalam keluarga



Menunjukkan contoh teladan / nilai yang baik



Pergaulan yang baik sesama anggota masyarakat



Memandu dengan berhemah di jalan raya



Menjaga kebersihan alam sekeliling



Menggunakan teknologi dengan bijak



Tidak menyentuh isu-isu sensitif yang mengugat keharmonian kaum






Latihan Penguksuhan



Bayangkan anda berada di Stesen Komuter yang sibuk. Beri lima contoh perlakuan moral dan lima contoh perlakuan tidak bermoral yang mungkin anda dapat lihat di sana?



LATIHAN INTERAKTIF



SCAN ME!

wordwall.net/ms/resource/6600964







Latihan Pengukuhan



1. Bincangkan kepentingan kepatuhan kepada agama dalam melahirkan individu yang mempunyai nilai murni dalam kehidupan?

2. Kongsikan pengalaman anda, bagaimanakah anda mengamalkan nilai-nilai murni dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia?



LATIHAN INTERAKTIF




SCAN ME!

wordwall.net/ms/resource/18328021


Topik 2

Penulis:

Suhaila binti Mustaffa
Borhannudin bin Ya



2.0 Konsep Etika Dan Integriti



2.1 Pengenalan konsep etika

2.2 Pengenalan konsep integriti

2.3 Ciri-ciri warganegara yang berintegriti

2.1 Pengenalan konsep etika



Apa itu etika?



berasal dari perkataan Yunani kuno iaitu "ethos" yang membawa erti kebiasaan, adat, akhlak, keperibadian dan watak. Ethos juga membawa maksud adat kebiasaan

Yunani

ethic bermaksud akhlak, tatasusila, kesusilaan dan etika. Manakala ethics bermaksud prinsip akhlak, ketatasusilaan dan ilmu etika

Bahasa Inggeris

ilmu berkaitan prinsip akhlak atau moral yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan

Kamus Dewan

Etika adalah cabang falsafah yang berkaitan dengan kajian tentang prinsip-prinsip moral, tingkah laku yang betul dan salah, serta kewajipan seseorang dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan nilai-nilai tersebut. Konsep etika sering kali merujuk kepada panduan atau aturan yang mengawal tingkah laku individu atau kelompok dalam masyarakat berdasarkan prinsip-prinsip yang diterima umum seperti kebaikan, keadilan, dan kejujuran.



Tujuan etika?



membantu individu dan masyarakat memahami dan memutuskan tindakan yang benar dan adil, serta untuk mencapainya dalam pelbagai konteks kehidupan.



memberi panduan kepada orang ramai tentang bagaimana untuk berinteraksi dengan satu sama lain dengan cara yang bertanggungjawab dan bertimbang rasa.





Ciri- ciri utama etika



Nilai Moral

Etika berhubung rapat dengan nilai-nilai moral yang diterima oleh masyarakat atau individu. Nilai-nilai ini termasuk kejujuran, keadilan, kebebasan, tanggungjawab, dan banyak lagi.



Tanggungjawab dan Kewajipan

Etika menekankan tanggungjawab individu untuk bertindak dengan cara yang sesuai dengan norma moral dan sosial. Ini termasuk kewajipan untuk berkelakuan jujur, menghormati hak orang lain, dan menegakkan keadilan.



Keputusan Moral

Etika melibatkan proses membuat keputusan berdasarkan prinsip moral yang diterima. Keputusan ini mungkin melibatkan pertimbangan tentang apa yang betul atau salah dalam situasi tertentu, dan bagaimana bertindak dengan cara yang memelihara integriti dan kehormatan.



Pengaruh Sosial dan Budaya

Etika juga dipengaruhi oleh norma dan budaya dalam masyarakat tertentu. Apa yang dianggap etikal dalam satu budaya atau masyarakat mungkin berbeza dengan budaya atau masyarakat lain, meskipun terdapat beberapa prinsip etika yang universal, seperti hak asasi manusia.



Cabang etika

1

Etika Normatif:

Berkaitan dengan penerapan prinsip moral dalam tindakan tertentu. Ini menjawab soalan "Apa yang seharusnya dilakukan?" dan mengembangkan panduan yang boleh diikuti oleh individu dalam kehidupan mereka.

2

Etika Terapan:

Mengaplikasikan prinsip etika kepada isu-isu praktikal dalam pelbagai bidang kehidupan, seperti etika perubatan, etika perniagaan, etika alam sekitar, dan sebagainya.

3

Etika Meta:

Berkaitan dengan kajian tentang dasar atau teori di sebalik prinsip-prinsip etika itu sendiri, dan menilai apa yang dianggap benar atau sah dalam hal moral.

4

Etika Deskriptif:

Menganalisis dan menggambarkan tingkah laku moral dalam masyarakat tertentu tanpa menghakimi sama ada ia betul atau salah. Etika deskriptif sering digunakan untuk memahami norma moral yang berlaku dalam budaya atau komuniti tertentu.





Kepentingan etika

①

Membimbing Tingkah Laku:

Etika memberikan pedoman yang jelas tentang bagaimana seseorang seharusnya bertindak dalam situasi tertentu, memudahkan individu membuat keputusan yang betul.

②

Meningkatkan Integriti dan Tanggungjawab:

Etika menggalakkan individu untuk bertindak dengan penuh integriti dan memikul tanggungjawab terhadap tindakan mereka, tanpa menjejaskan nilai-nilai moral yang diterima umum.

③

Membimbing Tingkah Laku:

Etika memberikan pedoman yang jelas tentang bagaimana seseorang seharusnya bertindak dalam situasi tertentu, memudahkan individu membuat keputusan yang betul.

④

Memelihara Keadilan dan Kesaksamaan:


Etika menggalakkan tindakan yang adil dan saksama, memastikan bahawa semua individu diperlakukan dengan hormat dan keadilan dalam pelbagai aspek kehidupan.

⑤

Meningkatkan Kualiti Hidup:

Dengan mengikuti prinsip etika yang baik, kehidupan sosial dan profesional menjadi lebih harmonis dan teratur. Ini juga memupuk rasa kepercayaan dan hubungan yang positif antara individu dan kelompok.





Contoh isu etika



ETIKA PERUBATAN:

Mempertimbangkan isu-isu seperti hak pesakit, kerahsiaan perubatan, dan keputusan perubatan yang melibatkan kehidupan dan kematian.



ETIKA PERNIAGAAN:

Berkaitan dengan pengurusan yang beretika, tanggungjawab korporat, dan pengambilan keputusan yang tidak membahayakan kepentingan orang lain atau alam sekitar.



ETIKA ALAM SEKITAR:

Menyentuh tentang tanggungjawab kita terhadap alam sekitar dan tindakan yang perlu diambil untuk memastikan kelestarian ekosistem.



2.2 Pengenalan konsep integriti



Integriti



- ✓ adalah konsep yang merujuk kepada sifat atau keadaan seseorang yang berpegang teguh kepada prinsip moral dan etika yang tinggi, seperti kejujuran, ketelusan, keadilan, dan konsistensi dalam tindakan.
- ✓ Integriti melibatkan kepatuhan kepada nilai-nilai yang betul walaupun dalam situasi yang penuh cabaran atau ketika tiada orang yang melihat.
- ✓ Ia berkait rapat dengan aspek kepercayaan dan kebolehpercayaan, di mana individu yang memiliki integriti dipercayai untuk melakukan apa yang betul tanpa dipengaruhi oleh keadaan atau kepentingan peribadi.



wordwall.net/ms/resource/S145363



INTEGRITY



Kejujuran:

Berterus terang dan tidak berbohong atau menyembunyikan fakta yang penting.

Keadilan:

Bertindak secara adil dan saksama kepada semua pihak tanpa diskriminasi.

Konsistensi:

Menjaga prinsip moral dan etika dalam setiap tindakan, tidak berubah mengikut situasi atau tekanan luar.

Tanggungjawab:

Menerima akibat atau kesan daripada tindakan dan keputusan yang diambil, serta berusaha memperbaiki kesilapan yang dilakukan.

Kepercayaan:

Menjadi sumber kepercayaan kepada orang lain kerana tindakan dan kata-kata yang selaras dan boleh diharap.



Kepentingan

Integriti

1. Mewujudkan Kepercayaan:

Integriti adalah asas dalam membina hubungan yang jujur dan saling percaya, sama ada dalam hubungan peribadi, profesional, atau sosial. Seseorang yang berintegriti dapat dipercayai untuk memenuhi janji dan menjalankan tanggungjawab mereka dengan penuh keikhlasan.

2. Peningkatan Moral dan Etika:

Memiliki integriti membantu seseorang berpegang pada prinsip moral yang baik, yang pada gilirannya membawa kepada keputusan yang lebih baik dan beretika dalam kehidupan sehari-hari.

3. Kestabilan dalam Masyarakat:

Masyarakat yang dihuni oleh individu yang berintegriti akan lebih stabil dan harmoni, kerana tindakan dan keputusan yang diambil akan lebih adil, sah, dan diterima oleh semua pihak.

4. Profesionalisme dan Reputasi:

Dalam dunia pekerjaan, integriti adalah faktor penting yang menentukan kredibiliti seseorang dalam organisasi. Individu yang berintegriti lebih dihargai dan sering dianggap sebagai pemimpin yang baik kerana mereka boleh dipercayai untuk membuat keputusan yang tepat dan beretika.

5. Pencegahan Rasuah dan Penyelewengan:

Integriti sangat penting dalam pencegahan rasuah dan penyelewengan, baik dalam sektor awam mahupun swasta. Individu yang memiliki integriti tidak akan terlibat dalam amalan yang tidak sah atau tidak jujur.

"Integriti adalah satu asas penting dalam hidup yang bukan sahaja mencerminkan nilai-nilai moral seseorang tetapi juga memainkan peranan penting dalam membina masyarakat yang berfungsi dengan baik, adil, dan penuh kepercayaan."

2.3 Ciri-ciri warganegara yang berintegriti



1

Menghormati dan Mematuhi Undang-undang Negara

Ciri ulung seorang warganegara yang baik adalah mematuhi undang-undang negara yang termaktub dalam rukun keempat Rukun Negara. Setiap negara memerlukan undang-undang untuk mengurus, mengawal dan mewujudkan satu masyarakat yang aman, makmur dan sentosa. Sejak dari awal ketamadunan manusia, undang-undang telah diwujudkan demi menjamin kehidupan anggota masyarakat yang selamat daripada jenayah serta ancaman terhadap hak-hak asasi sebagai seorang manusia.

Contoh: Tamadun China telah berjaya membuktikan bahawa masyarakat yang mematuhi undang-undang mampu memberi kejayaan kepada dinasti-dinasti yang bertahan beribu tahun lamanya. Maka, setiap warganegara hendaklah mematuhi undang-undang seperti tidak melanggar peraturan jalan raya dan merampas hak orang lain. Bak kata pepatah, di mana bumi dipijak disitu langit dijunjung. Jelasnya, kedaulatan undang-undang merupakan satu ciri yang perlu dimiliki setiap warganegara demi kesejahteraan Malaysia. Contoh-contoh yang lain:

- Mematuhi peraturan lalu lintas.
- Tidak terlibat dalam aktiviti jenayah atau rasuah.

2

Ada Sifat Kejujuran

Seseorang yang berintegriti adalah individu yang jujur dalam semua aspek kehidupan, sama ada dalam urusan peribadi atau profesional. Mereka tidak akan menipu, memanipulasi, atau mengambil kesempatan daripada orang lain. Kejujuran mereka menunjukkan keteguhan prinsip dan komitmen terhadap kebenaran.

Contoh:

- Tidak menyembunyikan maklumat penting.
- Memberi laporan yang benar dan tepat dalam konteks pekerjaan atau pendidikan.



3

Menanam Sifat Bertanggungjawab Dalam Diri

Seorang warganegara yang berintegriti akan mengambil tanggungjawab atas setiap tindakan dan keputusan yang diambil. Mereka tidak menyalahkan orang lain atau keadaan apabila menghadapi kesulitan. Warganegara yang bertanggungjawab juga akan menjalankan kewajipan mereka sebagai warganegara dengan penuh dedikasi.

Contoh:

- Mematuhi undang-undang dan peraturan negara.
- Melaksanakan tanggungjawab sosial seperti membayar cukai atau mengundi dalam pilihan raya.

4

Amanah Dengan Diri Dalam Melaksanakan Tugas

Warganegara yang berintegriti dapat dipercayai untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan penuh komitmen. Mereka menjaga kepercayaan yang diberikan kepada mereka dan tidak akan mengkhianati kepercayaan tersebut.

Contoh:

- Menjaga rahsia atau maklumat sulit yang dipercayakan kepada mereka.
- Melaksanakan tugas tanpa menggunakan kuasa untuk kepentingan peribadi.

5

Adil dan Tidak Mementingkan Diri Sendiri

Warganegara yang berintegriti bertindak secara adil dan tidak berpihak. Mereka mengambil kira kepentingan semua pihak, bukan hanya kepentingan peribadi atau golongan tertentu. Mereka menghargai nilai keadilan dan saksama dalam setiap aspek kehidupan.

Contoh:

- Memberi peluang yang sama kepada semua individu tanpa mengira latar belakang.
- Menghormati hak asasi manusia dan kebebasan individu.

6

Bersikap Telus

Warganegara yang berintegriti sentiasa bersikap terbuka dan jelas dalam segala urusan mereka. Mereka tidak menyembunyikan maklumat penting dan sentiasa menjelaskan situasi dengan jujur, walaupun ia mungkin tidak menguntungkan bagi mereka.

Contoh:

- Memberi maklumat yang tepat dalam laporan atau perbincangan.
- Tidak bersembunyi di belakang kepentingan peribadi atau organisasi.

Komitmen Terhadap Kesejahteraan Masyarakat

Warganegara yang berintegriti bukan sahaja menjaga kepentingan peribadi tetapi juga berusaha untuk memastikan kesejahteraan dan kemajuan masyarakat dan negara secara keseluruhan. Mereka terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan berusaha untuk menyelesaikan masalah sosial.

Contoh:

- Menyumbang kepada aktiviti kemanusiaan atau sukarela.
- Mengambil bahagian dalam usaha-usaha meningkatkan pendidikan dan kesejahteraan komuniti.



Berpendirian Teguh dan Berprinsip

Warganegara yang berintegriti tidak mudah terpengaruh oleh tekanan atau kepentingan pihak lain. Mereka berani untuk mengatakan "tidak" apabila sesuatu itu salah, walaupun ia mungkin menyebabkan mereka terdedah kepada risiko atau masalah peribadi.

Contoh:


- Menentang rasuah atau ketidakadilan walaupun ianya popular atau menguntungkan pihak tertentu.
- Membuat keputusan yang sukar tetapi benar, walaupun terdapat ancaman atau tekanan.



Latihan Pengukuhan



Bincangkan 3 etika profesional yang diamalkan di Malaysia selain daripada contoh yang dinyatakan dalam nota di atas?



LATIHAN INTERAKTIF



wordwall.net/ms/resource/15746377




wordwall.net/ms/resource/31342815

Topik 3

Penulis:

Mohammad Zamri bin Jusoh
Borhannudin bin Ya



3.0 Kepelbagaian Kaum Dan Budaya



3.1 Konsep budaya

3.2 Kepelbagaian kaum dan budaya


3.3 Cara menghormati kepelbagaian kaum
dan budaya

3.1 Konsep budaya

Jika dicantumkan kedua-dua perkataan tersebut, budaya membawa maksud tenaga fikiran, usaha rohani atau kuasa menggerakkan jiwa (Nik Safiah Haji Abdul Karim, 1963)

Kamus Dewan (2005) pula mendefinisikan budaya sebagai kemajuan fikiran, akal budi (cara berfikir), berkelakuan dan sebagainya.

Perkataan budaya berasal daripada cantuman perkataan Sanskrit dan Melayu, iaitu 'budhi' dan 'daya'. Perkataan 'budhi' yang dipinjam daripada bahasa Sanskrit bererti kecerdasan fikiran dan akal. Perkataan 'daya' pula ialah perkataan melayu Polynesia yang bermakna kekuatan kuasa, tenaga dan pengaruh.



CULTURE

Kesimpulannya:



budaya boleh didefinisikan sebagai suatu **cara hidup** yang diamalkan oleh kumpulan tertentu dan meliputi **sistem sosial, susunan organisasi ekonomi, politik, agama, kepercayaan, adat resam, sikap dan nilai.**



Budaya bukan kebendaan

ialah kepercayaan, adat istiadat dan undang-undang. Contohnya, setiap masyarakat mempunyai adat istiadat yang berbeza-beza dalam menjalani kehidupan seperti perkahwinan masyarakat Melayu yang mana pihak lelaki yang memberi hantaran kepada pihak perempuan manakala, bagi masyarakat India, hantaran(dowri) perkahwinan diberi oleh pihak perempuan kepada pihak lelaki.

1

Budaya kebendaan

Budaya bukan kebendaan

2

PENBAHAGIAN BUDAYA

Budaya kebendaan

ialah peralatan dan kelengkapan hidup seperti rumah, kereta, perahu, senjata dan sebagainya.

Contohnya, orang Melayu mempunyai rumah yang berbeza dengan orang Inggeris atau orang Eskimo





Pertama

Membina imej negara ke arah mewujudkan keperibadian dan identiti



PERANAN BUDAYA

Kedua

Pemupukan kesedaran kebangsaan dan kenegaraan berasaskan ciri-ciri kerohanian, kemanusiaan, spiritual dan mental.

(Tamadun Melayu Dan Pembinaan Bangsa Melayu, 1992).



Kalau sesuatu kelompok manusia hidup dalam lingkungan yang dikenali sebagai 'budaya' dan budaya ini memberikan identiti kepada kelompok itu dari segi cara ia mengendalikan hidupnya. Budaya turut diwarisi dari satu keturunan kepada satu keturunan yang lain. Dari itu, budaya boleh dikatakan sebagai satu himpunan kelengkapan intelektual dan kebendaan yang dapat memenuhi kehendak biologi dan kemasyarakatan serta dapat menyesuaikan dengan keadaan sekeliling.



3.2 Kepelbagaian kaum dan Budaya



Augmented Reality

Melayu

- mendiami Alam Melayu
- bertutur menggunakan bahasa Melayu
- mengamalkan adat istiadat Melayu serta beragama Islam.
- dikenali melalui pakaian tradisional, iaitu baju kurung bagi perempuan dan baju Melayu bagi lelaki



Cina

- menggunakan bahasa Mandarin, di samping dialek lain antaranya Hokkien, Hakka dan Kantonis.
- dikenali melalui pakaian tradisional, iaitu ceongsam bagi perempuan yang biasanya diperbuat daripada kain lembut seperti sutera, manakala pakaian bagi lelaki ialah changsan.



India

- bertutur menggunakan bahasa Tamil, bahasa Telugu dan Malayalam.
- Pakaian kaum India bagi perempuan ialah sari, manakala doti bagi lelaki.




Orang asli

- tiga kumpulan terbesar, iaitu Negrito (Semang), Senoi dan Melayu Proto.
- pengekalan ciri tradisional seperti kemahiran kraf tangan, penghasilan ubat-ubatan herba dan penggunaan bahasa mengikut suku



Baba Nyonya

- Di Melaka, kaum ini wujud hasil perkahwinan pedagang dari China dengan penduduk tempatan.
- "Baba" bagi lelaki, manakala perempuan disebut "Nyonya".
- bertutur menggunakan dialek Melayu Baba.
- Cara hidup, percakapan, adat dan tradisi serta makanan masyarakat ini banyak berasimilasi dengan budaya tempatan.
- Pakaian tradisional mereka ialah kebaya bersulam dan berkain batik sarung.



Sikh

- Bahasa Punjabi ialah bahasa ibunda masyarakat Sikh.
- Pakaian lelaki Sikh ialah baju panjang hingga lutut bersama-sama seluar (tahmat/tamba) dan sarban.
- Wanita Sikh pula memakai salwar kameez, iaitu pakaian yang dipakai bersama-sama dupatta atau selendang



Augmented Reality

KAUM- KAUM DI MALAYSIA

KAUM- KAUM DI MALAYSIA



Augmented
Reality

Serani

- dikenali sebagai orang Eurasia hasil perkahwinan campur orang Portugis dengan penduduk tempatan.
- menggunakan bahasa Kristang dan bahasa Inggeris.
- mempunyai bahasa, adat resam dan muzik yang unik.
- Tariannya yang paling popular ialah branyo dan frapeirra

Siam

- bertumpu di Kedah, Kelantan, Perlis, Pulau Pinang dan Perak.
- bertutur menggunakan bahasa Siam dan Melayu.
- menyambut perayaan Songkran pada tahun baharu mereka
- mengenakan pakaian tradisional semasa menghadiri upacara keagamaan di wat

Kaum lain di Sarawak

- Iban, Melayu, Melanau, Bidayuh, Bisaya, Kenyah, Kayan, Kelabit, Penan, Kayan dan Lun Bawang.
- Mereka juga mempunyai perbezaan dari segi bahasa, agama, pakaian tradisi, adat resam dan pegangan hidup.



Iban

- kaum terbesar di Sarawak.
- Bertutur dalam bahasa Iban
- Pakaian yang mempunyai tenunan pua kumbu merupakan busana tradisional wanita Iban yang digayakan ketika perayaan Hari Gawai dan majlis perkahwinan.
- Baju lelaki Iban antaranya termasuklah baju burung dan kelambi

Kaum lain di Sabah

- Bajau, Bisaya, Murut, Kedayan, Iranun, Rungus, Suluk, Melayu Brunei dan Orang Sungai.
- Mereka juga unik dari segi bahasa, agama dan budaya.

Kadazan

- Kadazan Dusun
- kaum terbesar di Sabah.
- bertutur mengikut dialek sukuan masing-masing.
- Pakaian tradisional kaum ini yang unik juga berbeza-beza antara etnik.
- Pakaian ini biasanya digayakan ketika majlis rasmi seperti majlis perkahwinan dan semasa sambutan Pesta Kaamatan.

Chetti

- wujud hasil perkahwinan pedagang India dengan penduduk tempatan.
- Kebanyakan mereka berada di Melaka.
- Bahasa pertuturan mereka ialah bahasa Melayu kreol.
- Pakaian tradisional kaum ini ialah kebaya bersulam dan berkain batik sarung yang dipakai ketika mengadakan pesta keramaian.

3.3 Cara menghormati kepelbagaian kaum dan budaya



“Amalan Ajaran Agama atau Kepercayaan Membentuk Masyarakat Harmoni”

1

Menghormati amalan dan kepercayaan orang lain.

Kepentingan mengamalkan ajaran agama:

- Saling memahami antara satu sama lain
- Dapat mengelakkan perselisihan faham
- Saling menghormati kepercayaan masing-masing
- Melahirkan sikap toleransi sesama anggota masyarakat
- Memupuk perpaduan sesama masyarakat

Peka Terhadap Keperluan dan Kebajikan Masyarakat

2

Bentuk bantuan yang boleh diberi dalam bentuk kebendaan

- Sumbangan makanan
- Sumbangan peralatan sekolah
- Sumbangan pakaian
- Sumbangan wang



Bentuk bantuan dalam bentuk sokongan moral

- Kata-kata semangat
- Bantuan kaunseling
- Khidmat nasihat



3

Penghargaan Terhadap Jasa dan Sumbangan Anggota Masyarakat

Kepentingan amalan menghargai jasa dan sumbangan anggota masyarakat

Melahirkan sikap berterima kasih antara anggota masyarakat

Memupuk semangat perpaduan dalam masyarakat

Mengelakkan pertelingkahan antara anggota masyarakat



Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan terhadap sesuatu jasa, sumbangan, atau pemberian.

Beradab Sopan dan Berbudi Pekerti Mulia Dalam Hidup Bermasyarakat

4

Kepentingan amalan beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam hidup bermasyarakat:

- Hubungan silaturahim bertambah erat
- Memupuk kesejahteraan anggota masyarakat
- Meningkatkan keharmonian anggota masyarakat

PEACE
and
RESPECT





Contoh amalan menyayangi masyarakat demi kesejahteraan bersama:



Memberi bantuan kecemasan apabila ternampak anggota masyarakat ditimpa kemalangan



Menjemput anggota masyarakat tanpa mengira kedudukan untuk hadir ke majlis



Menziarahi anggota masyarakat yang sakit di hospital

Sayangi Masyarakat Demi Kesejahteraan Bersama

5



“Kepekaan dan perasaan cinta yang mendalam serta berkekalan yang lahir daripada hati yang ikhlas.”






Latihan Pengukuhan



Bincangkan bagaimana makanan daripada pelbagai kaum boleh menjadi platform perpaduan ?



LATIHAN INTERAKTIF



SCAN ME!

wordwall.net/ms/resource/6410227



SCAN ME!

wordwall.net/ms/resource/6739445




SCAN ME!

wordwall.net/ms/resource/1576667

Topik 4

Penulis:

Mohd Fadhil bin Aziz



4.0 Isu-isu Moral



4.1 Isu-isu moral yang berlaku dalam masyarakat di Malaysia

4.1 Isu- isu moral yang berlaku dalam masyarakat Malaysia



Penyalahgunaan dadah - Mencuri - Ponteng kelas
Lumba haram - Tidak amanah - Penyebaran berita
palsu - Pornografi

Penyalahgunaan dadah

- Mengambil bahan terlarang seperti ais, syabu dll.
- Mengedar bahan terlarang



Augmented Reality



Mencuri

- mengambil barang milik orang tanpa meminta kebenaran



Augmented Reality

Lumba haram

- Terlibat dengan perlumbaan haram yang boleh menjejaskan keselamatan diri dan orang ramai.
- Mempertaruhkan wang dan wanita sebagai hadiah



CONTOH ISU- ISU MORAL

Pornografi

- Melayari laman sesawang pornografi dan menontonnya.
- Berkongsi link video porno dengan rakan



Augmented Reality

Ponteng kelas

- Tidak hadir kelas dengan sengaja.
- Mengutamakan aktiviti lain berbanding menghadiri kuliah



Augmented Reality

Menyebarkan berita palsu

- Berita tidak benar yang boleh menimbulkan fitnah.
- Mewujudkan berita tidak benar demi mengejar populariti.

Tidak amanah

- Menciplak tugas
- Tidak menepati perjanjian dalam tugas berkumpulan



Augmented Reality





Latihan

Pengukuhan



Senaraikan 4 daripada
isu-isu moral yang
anda tahu.


Anda mengenali seorang rakan yang
suka terlibat dengan aktiviti lumba
haram. Apakah peranan yang boleh
anda lakukan bagi membantu rakan
tersebut?



Topik 5

Penulis:

Hamdan bin Zakaria
Mohd Fadhil bin Aziz



5.0 Langkah Menangani Isu-isu Moral



5.1 Punca isu-isu moral

5.2 Kesan yang timbul akibat isu-isu moral

5.3 Langkah menangani isu-isu moral

5.1 Punca isu- isu moral

Apakah punca isu moral ini berlaku ?

??



Mengejar pangkat, kedudukan dan kemewahan, juga punca isu moral berlaku!



5.2 Kesan yang timbul akibat isu-isu moral

Keluarga

- Keretakan dalam rumahtangga
- Menimbulkan pergaduhan

Individu

- Mengalami masalah gangguan emosi/ mental
- Perubahan tingkahlaku secara mendadak
- Kurang bersosial



Masyarakat

- Menimbulkan perpecahan
- Mewujudkan suasana yang tidak harmoni/ tidak aman
- Mewujudkan sentimen perkauman

Negara

- Memburukkan imej negara
- Menanggung kos kerugian



kesan

5.3 Langkah menangani isu- isu moral

Langkah menangani



Peranan ibubapa

- Bapa sebagai role model.
- Lebihkan masa Bersama keluarga
- Memantau pergerakan anak-anak
- Mewujudkan interaksi/komunikasi yang baik dengan anak-anak

Peranan pemimpin/kerajaan

- program kesedaran
- Melibatkan remaja dengan aktiviti yang berfaedah
- Mengurangkan peluang-peluang yang boleh menjuruskan belia kepada gejala sosial
- Pelaksanaan undang-undang jenayah yang menyeluruh





Peranan masyarakat


- Tidak mendiamkan diri bila melihat perbuatan yang tidak baik.
- Menganjurkan aktiviti-aktiviti yang berfaedah untuk ahli setempat.



Peranan guru/pensyarah/ institusi/ jabatan

- Wujudkan sekolah/institusi yang aman dan harmoni.
- Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang berkesan dan berfungsi.
- Kempen anti merokok dan anti dadah sentiasa di lakukan.
- Kerjasama dan hubungan yang baik antara institusi, pelajar, dan pensyarah.
 - Pelajar sendiri hendaklah sentiasa menjaga tatasusila dan tahu membezakan yang baik dan buruk.





Penyataan di atas merupakan satu daripada faktor berkunya isu moral. Berikan pandangan anda bagaimana faktor ini boleh menyebabkan berlakunya isu moral.

- 1.Tidak Amanah
- 2.Melayari laman Pornografi



Sumber Rujukan



Vishalache Balakrishnan,(2009) Pendidikan Moral untuk Universiti dan Kolej, Arah Pendidikan Sdn.Bhd , ISBN 978-967-323-138-6

Artikel: Profesor Madya Dr.Ratna Roshida Ab.Razak.Nilai Patriotisme Membina Warganegara Berintegriti.UPM

Hadijah Ahmad: Kursus Integriti dan Antirasuah.MaxUnion Publication.2024

Mohamad Tarmize Abdul Manaf.et al(2020).Kursus integriti dan Antirasuah Institut Pendidikan Tinggi.Bahagian Pendidikan Masyarakat.SPRM

Jurnal:Muhammad Syahir Abu Bakar Wan Fariza Wan Alyati Wan Zakaria Kamaruddin Salleh:Keperluan Nilai dan Integriti Terhadap Para Muhtasib di Malaysia.KUIS

.Ismail Hamid.(1991): Masyarakat dan Budaya Melayu.Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Zaki A. L., Azam H. & Azhar M. A. 2009. Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd

Aziz Deraman A. 2000. Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia (edisi baru). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rosfazila Abd Rahman.(2019).Kesepaduan Sosiobudaya dalam Kepelbagaian Masyarakat Majmuk.Jauhar 3(1):44-50.KUIS

<https://prpm.dbp.gov.my/> Maria Uffa Zulkafeli. (18 Mac 2019). Penerapan Nilai Murni Sejak Kecil. Berita Harian, 28.

<https://anyflip.com/dkrgw/kood/basic> Unit Pendidikan Islam dan Moral, Kolej Matrikulasi Pulau Pinang Modul Pendidikan Moral – WM 001

<https://sites.google.com/epembelajaran.edu.my/insan-bermoral-harapan-dunia/modul/konsep-asas-moral/definisi-nilai>



UNIT PENDIDIKAN ISLAM DAN MORAL
JABATAN PENGAJIAN AM
POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN

e ISBN 978-629-7514-83-3



9 786297 514833